



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PROJEK
MALAYSIA LABORATORIES FOR
ACADEMIA-BUSINESS
COLLABORATION (MyLAB) 1/2018
(Pindaan Tahun 2018)**

**URUS SETIA MyLAB
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT (BPKI)
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8870 6952 / 6954 / 6956 / 8870 6000 samb. 4579
NO.FAKS:+603 – 88706867
E-mel: mylabbpki@mohe.gov.my**

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-----------|--|
| JPT | Jabatan Pendidikan Tinggi |
| TNC (P&I) | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |
| RMC | Pusat Pengurusan Penyelidikan (<i>Research Management Centre</i>) |



SENARAI KANDUNGAN

| | |
|---|-------|
| SENARAI SINGKATAN | |
| BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN) | |
| Falsafah | 4 |
| Definisi | 4 |
| Visi | 5 |
| Misi MyLAB | 5 |
| Tujuan | 5 |
| Skop MyLAB | 5 |
| Jumlah dana MyLAB | 5 |
| Syarat-syarat permohonan Universiti Peneraju | 6 |
| Syarat-syarat permohonan Ketua Projek | 6-7 |
| Syarat-syarat permohonan Ahli Projek | 7 |
| Syarat-syarat permohonan Industri | 7-8 |
| Kriteria Penilaian Projek | 9 |
| Pembiayaan Dana MyLAB | 10-12 |
| Hasil Projek | 12 |
| BAHAGIAN 2 (PENILAIAN PERMOHONAN PROJEK) | |
| Penilaian MyLAB | 13 |
| BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN PROJEK) | |
| Mekanisme Pemantauan Projek | 14 |
| BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN PERMOHONAN PROJEK) | |
| Pemberitahuan Keputusan, Pengagihan Peruntukan dan Tanggungjawab Universiti | 15 |
| BAHAGIAN 5 (TERMA RUJUKAN) | |
| Ketua Projek | 16 |
| Ketua Sub-Projek dan Universiti Kolaborasi | 16 |
| Industri | 17 |
| Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti | 17 |
| BAHAGIAN 6 (PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK) | |
| MAKLUMAT URUS SETIA | |
| | 19 |

BAHAGIAN 1 PERMOHONAN

1.1 FALSAFAH

Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) ditubuhkan sebagai langkah merealisasikan jaringan kolaborasi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan sektor industri. Program ini bertujuan mengkomersialkan produk penyelidikan akademik, seiring dengan tuntutan pertumbuhan teknologi dan inovasi tempatan serta pemindahan ilmu. MyLAB diharap berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang *cutting edge* khususnya nic yang telah dikenal pasti.

MyLAB juga dapat membina kerjasama keserakanan dan kesepunyaan merentasi pelbagai institusi di IPT dengan sektor industri dan bersifat multi disiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan dan pengkomersialan dalam nic-nic tertentu.

1.2 DEFINISI

Bidang tujuhan MyLAB merupakan program pra-pengkomersialan produk penyelidikan yang berfokuskan kepada sepuluh (10) bidang teknologi iaitu:

- i) Nanoteknologi
- ii) Bioteknologi
- iii) Aeroangkasa
- iv) Automotif & Teknologi Pengangkutan
- v) Minyak & Gas
- vi) Tenaga Boleh Diperbaharui
- vii) Penjagaan Kesihatan
- viii) Teknologi Hijau
- ix) Kecukupan Makanan
- x) Sains sosial dan Kemasyarakatan

MyLAB melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) makmal penyelidikan di pelbagai IPT dan satu (1) industri yang berkaitan dalam melaksanakan projek penyelidikan. Projek MyLAB melibatkan skop yang lebih spesifik dengan tempoh masa maksimum sehingga dua (2) tahun. Melalui inisiatif MyLAB, teknologi dan inovasi yang relevan kepada kehendak industri mampu dibangunkan.

1.3 VISI MyLAB

Membantu akademia mengkomersialkan produk penyelidikan melalui kolaborasi bersama industri sebagai satu rangkaian nilai yang lengkap ke arah melahirkan usahawan di kalangan akademia.

1.4 MISI MyLAB

- Mewujudkan perkongsian pintar di antara akademia dan industri yang berfokuskan produk penyelidikan berpotensi tinggi untuk dikomersialkan; dan
- Meningkatkan pembangunan dan pra-pengkomersialan produk, teknologi dan servis untuk menghasilkan “*total solution showcase*” yang sedia untuk dikomersialkan.

1.5 TUJUAN

Program MyLAB bertujuan untuk membangun dan memantapkan produk penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan dalam nic-nic yang strategik. Di akhir program ini, produk tersebut mestilah sedia untuk dikomersialkan.

1.6 SKOP MyLAB

- i. Mempunyai produk (sedia ada) yang telah dibangunkan oleh akademia yang berpotensi untuk dikomersialkan.
- ii. Permasalahan produk, teknologi atau proses dari industri yang mampu diselesaikan oleh akademia melalui kolaborasi bersama; dan

1.7 JUMLAH DANA MyLAB

Jumlah peruntukan dana MyLAB yang dimohon adalah tidak melebihi RM2 juta.

1.8 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.8.1 UNIVERSITI PENERAJU

- 1.8.1.1 Mempunyai produk berasaskan penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan melalui kerjasama Universiti dan industri.
- 1.8.1.2 Mempunyai penyelesaian masalah industri yang dikenal pasti melalui kerjasama Universiti dan industri.
- 1.8.1.3 Keutamaan diberikan kepada Universiti yang telah bekerjasama dengan industri dalam bidang yang dipohon.
- 1.8.1.4 Universiti peneraju mestilah dari Universiti Awam.
- 1.8.1.5 Projek mestilah melibatkan kerjasama sekurang-kurangnya dua (2) Universiti meliputi (infrastruktur, ruang, peralatan dan sumber manusia) dan minimum satu (1) industri.
- 1.8.1.6 Projek mestilah berfokuskan kepada bidang nic yang telah ditetapkan.
- 1.8.1.7 Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek pada setiap fasa.
- 1.8.1.8 Tempoh maksimum projek adalah sehingga dua (2) tahun.
- 1.8.1.9 Kakitangan sepenuh masa yang dibayar melalui program MyLAB mestilah berstatus warganegara Malaysia.
- 1.8.1.10 Permohonan mestilah dinilai dan disokong oleh RMC Universiti.

1.8.2 KETUA PROJEK

- 1.8.2.1 Ketua Projek mestilah seorang warganegara Malaysia dan kakitangan akademik Universiti Awam yang berjawatan tetap;
- 1.8.2.2 Ketua Projek perlu mempunyai *track record* penyelidikan (geran, penerbitan dan pelajar pasca siswazah) dan kepakaran dalam bidang yang dipohon;
- 1.8.2.3 Ketua Projek mestilah daripada Universiti Awam (UA) dan bertindak sebagai IPT peneraju. Universiti Swasta (US) dan Institut Penyelidikan boleh dijemput sebagai ahli oleh Ketua Projek;
- 1.8.2.4 Ketua Projek yang tidak lagi berkhidmat di Universiti peneraju hendaklah melepaskan jawatan sebagai Ketua Projek. Walau

bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan;

- 1.8.2.5 Kakitangan akademik yang dipinjamkan ke agensi lain, bercuti belajar, sandaran industri, cuti sabbatical dan bercuti melebihi jangka masa 6 bulan tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek atau Ketua Sub-Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan; dan
- 1.8.2.6 Ketua Projek yang dianugerahkan geran MyLAB tidak digalakkan mengambil cuti panjang yang boleh menjejaskan kelancaran pembangunan projek.

1.8.3 AHLI PROJEK

- 1.8.3.1 Kumpulan projek perlu mempunyai ahli-ahli yang kompeten dan mempunyai *track record* penyelidikan (geran, penerbitan dan pelajar pasca siswazah) dan kepakaran dalam bidang yang dipohon;
- 1.8.3.2 Setiap ahli projek perlu menyatakan pengalaman penyelidikan di dalam CV dengan jelas terutamanya yang berkaitan dengan projek yang dipohon; dan
- 1.8.3.3 Peranan dan tanggungjawab ahli kumpulan yang berkolaborasi dalam projek ini hendaklah dinyatakan secara terperinci.

1.8.4 INDUSTRI

- 1.8.4.1 Industri yang terlibat mestilah mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 51% oleh warganegara Malaysia.
- 1.8.4.2 Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) mestilah mempunyai sekurang-kurangnya RM100,000.00 modal berbayar.
- 1.8.4.3 Peranan industri mestilah dinyatakan dengan jelas di dalam kertas cadangan (agihan kerja dan kos projek);
- 1.8.4.4 Pihak industri mestilah memberi sumbangan kewangan sekurang-kurangnya 5% dari nilai projek keseluruhan yang dibiayai oleh JPT. Sumbangan ini perlu dibelanjakan untuk pembangunan projek bagi tujuan perolehan peralatan atau bahan guna habis.

- 1.8.4.5 Sebarang sumbangan tambahan dalam bentuk '*in kind*' daripada industri mesti dinyatakan dengan jelas setiap perkara dan aktiviti yang disumbangkan;
- 1.8.4.6 Industri mesti menunjukkan kemampuan teknikal dan pengalaman dalam sektor yang relevan dan bersesuaian dengan projek yang dipohon serta mempunyai rekod pencapaian dan justifikasi yang kukuh untuk menyumbang ke arah kejayaan projek ini;
- 1.8.4.7 Industri yang telah memberi sumbangan dari segi kewangan atau peralatan yang berterusan kepada universiti terbabit akan diberi keutamaan;
- 1.8.4.8 Keupayaan Kewangan Industri – Pihak industri mesti menunjukkan bukti keupayaan kewangan untuk membiayai sebahagian daripada projek yang dipohon;
- 1.8.4.9 Pihak industri hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut:
- i. Borang terkini 9, 24 dan 49 (Akta Syarikat 1965) bersama dengan laporan tahunan terkini;
 - ii. *Memorandum and Article of Association* (MoA) atau Memorandum of Understanding (MoU) atau lain-lain dokumen yang berkaitan antara industri dan universiti atau yang telah dipersetujui sebelum permohonan dibuat; dan
 - iii. Sijil insolvensi terkini dari Jabatan Insolvensi Malaysia.

1.9 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

- 1.9.1 Projek yang dicadangkan mestilah mempunyai unsur-unsur teknologi atau inovasi bagi pra-pengkomersialan produk dan servis;
- 1.9.2 Projek tersebut mestilah telah mempunyai prototaip/proses/perkhidmatan dengan bukti kukuh yang disokong oleh *Proof of Concept* (PoC);
- 1.9.3 Kriteria berikut akan diambil kira dalam proses penilaian:
 - 1.9.3.1 Novelti – Projek mestilah mempunyai ciri-ciri keunikan dan novelti tempatan dalam aspek teknologi / produk / servis. Pemohon perlu melaksanakan *due diligence* untuk memastikan teknologi/produk/perkhidmatan yang boleh berdaya saing di pasaran dan boleh dilindungi di bawah Akta Harta Intelek;
 - 1.9.3.2 Kebolehlaksanaan teknikal – Permohonan akan dinilai berdasarkan kebolehan pemohon untuk melaksanakan projek dengan jayanya dalam jangka masa yang ditetapkan;
 - 1.9.3.3 Kebolehlaksanaan pasaran – Permohonan akan dinilai berdasarkan perancangan perniagaan yang lengkap dan berdaya saing;
 - 1.9.3.4 Industri kolaborasi yang dipilih perlulah sebuah syarikat yang berwibawa, berpengalaman, mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan bebas dari sebarang tindakan mahkamah;
 - 1.9.3.5 Kebolehjayaan Projek – Projek mesti menghasilkan “*total solution showcase*” yang sedia untuk dipasarkan. Ia mesti jelas, tepat dan konsisten serta memenuhi ciri-ciri kehendak pasaran. Cadangan projek mesti mempunyai *milestone* dan aktiviti yang boleh dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan;
 - 1.9.3.6 Kesesuaian Metodologi – Perlu menghuraikan metodologi dengan lengkap (turutan dan fasa yang jelas) untuk membolehkan penilai menentukan sama ada metodologi yang akan digunakan sesuai dan mencukupi untuk mencapai objektif penyelidikan;
 - 1.9.3.7 Perancangan Kos Projek – Perancangan yang terperinci bagi kos projek hendaklah disertakan; dan
 - 1.9.3.8 Sebarang dokumen tambahan dan sokongan yang berkaitan boleh dilampirkan.

1.10 PEMBIAYAAN DANA MyLAB

Semua perbelanjaan dana perlu mematuhi prosedur kewangan dan perolehan Kementerian Kewangan serta peraturan kewangan Universiti yang sedang berkuat kuasa. Sebarang perubahan perbelanjaan perlu mendapat kelulusan JPT. Dana ini hanya boleh digunakan untuk projek yang diluluskan oleh JPT di bawah geran MyLAB:

1.10.1 **Vot 11000** (Emolumen dan Elaun)

Bayaran bagi emolumen/elaun perlu memenuhi peraturan kewangan sedia ada. Siling emolumen, proses lantikan dan surat lantikan dibuat oleh Universiti. Pembiayaan untuk sumber manusia hanya boleh digunakan oleh Universiti sahaja bagi kakitangan sepenuh masa sehingga maksimum 30% daripada jumlah keseluruhan dana

1.10.2 **Vot 21000** (Perjalanan dan Pengangkutan)

Jumlah perbelanjaan hanya untuk aktiviti yang berkaitan dengan projek sahaja dan tidak boleh melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan projek. Sekiranya peruntukan melebihi 5%, justifikasi kukuh perlu dikemukakan. Perjalanan mestilah juga mengikut peraturan Universiti masing-masing. Setiap perjalanan perlu mempunyai justifikasi yang kukuh mengikut perancangan asal projek. Peruntukan ini tidak boleh digunakan untuk menghadiri persidangan dan pameran.

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan dengan projek. Tuntutan yang dikemukakan mesti mengikut kelayakan dan melalui proses yang ditentukan oleh universiti.

Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- i. Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan JPT.
- ii. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon.
- iii. Penyelidik daripada Universiti sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut.
- iv. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal daripada segi keperluan, kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

- 1.10.5 **Vot 24000**
(Sewaan)
- Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, ruang makmal, bangunan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek ini sahaja.
- 1.10.6 **Vot 27000**
(Bekalan dan Bahan Projek)
- Hanya perbelanjaan untuk bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.
- 1.10.7 **Vot 28000**
(Baik pulih kecil dan ubahsuai)
- Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan dan terhad kepada 5% daripada jumlah dana. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.
- 1.10.8 **Vot 29000**
(Perkhidmatan Ikhtisas)
- Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium (*non-team member*), perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan perisian komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas sokongan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- (Perkhidmatan Khas)
- Penyediaan dan pendaftaran harta intelek (IP).
Mendapatkan sijil piawaian.
- 1.10.9 **Vot 35000**
(Aksesori dan Peralatan)
- Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja dibenarkan sehingga maksimum 40% daripada jumlah keseluruhan dana. Senarai dan justifikasi alat yang dipohon perlu dikemukakan.

Proses perolehan aset dan peralatan seperti panggilan sebut harga & tender, spesifikasi peralatan, jawatankuasa penilai dan penawaran perlu mematuhi prosedur kewangan dan perolehan Kementerian Kewangan serta peraturan kewangan Universiti.

Sebarang peralatan dan perisian yang dibeli menggunakan peruntukan MyLAB merupakan hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, selepas projek tamat, semua peralatan yang dibeli hendaklah diselenggarakan oleh universiti/ industri berkenaan.

1.11 HASIL PROJEK

- 1.11.1 Projek perlu menghasilkan “*total solution showcase*” yang sedia untuk dipasarkan;
- 1.11.2 Harta Intelek;
- 1.11.3 Pemindahan teknologi dan ilmu di antara Universiti dan industri dan begitu juga sebaliknya; dan
- 1.11.4 Laporan kemajuan projek perlu dikemukakan secara berkala sepanjang tempoh projek manakala laporan akhir dan perancangan perniagaan adalah untuk tujuan pengkomersialan.

BAHAGIAN 2

PENILAIAN PERMOHONAN PROJEK

2.1 PENILAIAN MyLAB

- 2.1.1 Permohonan MyLAB akan dinilai mengikut sepuluh (10) bidang tujahan yang telah ditetapkan;
- 2.1.2 Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut seperti di perkara (Kriteria Penilaian Projek) di atas serta Garis Panduan Permohonan Program MyLAB, JPT;
- 2.1.3 Permohonan yang disenaraipendek perlu melalui kajian pengesahan pasaran yang akan diuruskan oleh JPT;
- 2.1.4 Permohonan yang melepasi kajian pengesahan pasaran akan melalui proses penilaian seterusnya;
- 2.1.5 Lawatan tapak dan audit makmal akan dilaksanakan sekiranya perlu; dan
- 2.1.6 Memastikan setiap prototaip/proses/perkhidmatan yang sedia ada dipamer dalam keadaan siap siaga dan berfungsi semasa lawatan tapak/makmal.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN PROJEK

3.1 MEKANISME PEMANTAUAN PROJEK

- 3.1.1 Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan sepanjang tempoh projek.
- 3.1.2 Untuk enam (6) bulan pertama, laporan kewangan dan kemajuan projek perlu dikemukakan kepada urus setia MyLAB bagi setiap tiga (3) bulan. Lawatan tapak akan dilakukan sekiranya perlu.
- 3.1.3 Mekanisme pemantauan berdasarkan pencapaian kemajuan projek yang telah ditetapkan bagi setiap enam (6) bulan berikutnya:
 - 3.1.3.1 Ketua Projek dan Ketua Sub-Projek perlu hadir dalam setiap sesi pembentangan dan perlu memberikan laporan secara bertulis kepada urus setia MyLAB bagi tujuan rekod dan pemantauan.
 - 3.1.3.2 Ketua Projek perlu membentangkan Laporan Kemajuan Projek kepada panel penilai bagi tujuan penilaian dan bersedia menerima lawatan tapak.
 - 3.1.3.3 Laporan bertulis kemajuan projek dan kewangan berdasarkan format seperti di lampiran;
 - 3.1.3.4 Laporan berkala yang dikemukakan kepada JPT perlu disahkan dahulu oleh RMC Universiti;
 - 3.1.3.5 Penilaian bersemuka secara berkala akan dilakukan dan lawatan tapak dan pemantauan projek oleh panel penilai juga akan dijalankan sekiranya perlu;
 - 3.1.3.6 Projek mestilah dilaksanakan dengan mematuhi skop dan objektif asal yang diluluskan. Sebarang perubahan hendaklah dimohon bertulis secara rasmi dan diluluskan oleh JPT; dan
 - 3.1.3.7 Sekiranya projek tidak mempunyai kemajuan yang memuaskan, JPT berkuasa untuk menamatkan projek tersebut dan menyenarai hitamkan ahli projek yang terlibat. Pihak universiti yang terlibat perlu memulangkan semula baki dana yang telah disalurkan. JPT berhak mengambil kembali segala aset yang telah dibeli dengan menggunakan peruntukan geran MyLAB.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN PERMOHONAN PROJEK

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN, PENGAGIHAN PERUNTUKAN DAN TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI

- 4.1.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada Naib Canselor / Rektor Universiti dan salinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Pengarah RMC Universiti peneraju serta Ketua Projek;
- 4.1.2 Universiti peneraju perlu menandatangani perjanjian bersama semua kolaborator sebelum menandatangani perjanjian dengan JPT;
- 4.1.3 Universiti peneraju perlu menyatakan dan menyalurkan jumlah dana kepada kolaborator mengikut jumlah yang telah dipersetujui; dan
- 4.1.4 Pembayaran akan dibuat oleh JPT secara berjadual dan mengikut fasa pencapaian projek berdasarkan kemajuan projek kepada Universiti Peneraju setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.

BAHAGIAN 5

TERMA RUJUKAN

5.1 KETUA PROJEK

- 5.1.1 Mematuhi Garis Panduan MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan;
- 5.1.2 Menerajui dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas projek yang dipohon. Ketua Projek perlu memastikan semua Ketua Sub-Projek hadir di dalam setiap pembentangan kemajuan projek;
- 5.1.3 Menjalankan projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan dan memastikan pembahagian peruntukan kewangan disalurkan kepada ahli kolaborasi seperti mana diluluskan oleh JPT;
- 5.1.4 Memastikan setiap produk yang dihasilkan dipamer dalam keadaan siap dan berfungsi semasa lawatan tapak;
- 5.1.5 Membentang dan melaporkan secara bertulis kemajuan projek seperti yang telah ditetapkan. Butiran laporan perlu mengandungi laporan kewangan, prestasi keseluruhan projek dan hal-hal yang berkaitan; dan
- 5.1.6 Ketua Projek bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan kemajuan projek.

5.2 KETUA SUB-PROJEK DAN UNIVERSITI KOLABORASI

- 5.2.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Projek dan projek yang diuruskan;
- 5.2.2 Melaksanakan projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- 5.2.3 Menghantar laporan kewangan, prestasi projek kepada Ketua Projek melalui RMC Universiti masing-masing untuk tujuan penilaian panel penilai; dan
- 5.2.4 Wajib hadir dalam setiap pembentangan dan lawatan tapak.

5.3 INDUSTRI

- 5.3.1 Industri perlu menyalurkan komitmen yang dijanjikan di dalam kertas cadangan projek;
- 5.3.2 Bekerjasama bagi memastikan projek dijalankan mengikut perancangan semasa;
- 5.3.3 Menjalankan kajian pasaran dan menyediakan perancangan perniagaan secara terperinci bagi persiapan pengkomersialan produk tersebut; dan
- 5.3.4 Wajib hadir dalam setiap pembentangan dan lawatan tapak.

5.4 PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) UNIVERSITI

- 5.4.1 Menilai dan menyokong cadangan projek secara terperinci dan memastikan setiap garis panduan dipatuhi;
- 5.4.2 Memastikan Ketua Projek, Ketua Sub Projek dan pihak industri yang terlibat melaksanakan projek mengikut ketetapan dan peraturan yang ditetapkan;
- 5.4.3 Memudah cara dan mudah selia aktiviti permohonan, pemprosesan sepanjang perjalanan projek seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Permohonan Projek MyLAB;
- 5.4.4 Memantau kemajuan projek dan pencapaian *milestone* pada masa yang ditentukan;
- 5.4.5 RMC Universiti perlu mengesahkan laporan kemajuan projek sebelum dikemukakan kepada urus setia MyLAB.
- 5.4.6 Mengemaskini senarai aset yang dibiayai melalui dana MyLAB;
- 5.4.7 Wajib hadir dalam setiap pembentangan dan lawatan tapak;
- 5.4.8 Memastikan semua perbelanjaan dana perlu mematuhi prosedur kewangan dan perolehan Kementerian Kewangan serta peraturan kewangan Universiti yang sedang berkuat kuasa;
- 5.4.9 Sebarang perubahan dari cadangan asal projek perlu mendapat kelulusan bertulis dari JPT; dan
- 5.4.10 Pihak RMC tidak dibenarkan untuk mengambil atau menggunakan peruntukan yang telah disalurkan kepada projek MyLAB.

BAHAGIAN 6

PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK

Syarat-syarat dan peraturan pelaksanaan Projek MyLAB di bawah JPT adalah seperti berikut:

- i) Projek yang diluluskan dan menerima peruntukan di bawah Geran MyLAB tidak dibenarkan menerima sebarang peruntukan daripada Kementerian/agensi lain bagi projek yang sama;
- ii) Ketua projek perlu mematuhi Garis Panduan MyLAB sepanjang tempoh projek mengikut carta perbatuan aktiviti dan tahun yang telah ditetapkan;
- iii) Pihak RMC berserta pihak TNC (P&I) perlu memastikan Ketua Projek, Ketua Sub Projek dan pihak industri yang terlibat melaksanakan projek mengikut ketetapan dan peraturan yang disertakan;
- iv) Mematuhi peraturan kewangan Kerajaan seperti yang telah ditetapkan. Sekiranya Ketua Projek dan kumpulan gagal mematuhi *timeline* yang telah ditetapkan, maka KPT berhak menangguhkan pembayaran kepada projek yang berkaitan sehinggalah perkara tersebut dapat diselesaikan, atau memberhentikan terus pembayaran sekiranya prestasi tidak memuaskan;
- v) Memberikan pembentangan dan laporan bertulis tentang kemajuan projek berserta dengan implikasi kewangan yang terlibat perlu dikemukakan kepada urus setia MyLAB seperti dalam garis panduan bagi tujuan pemantauan dan tindakan lanjut pihak *Executive Council* (EC) MyLAB;
- vi) Penyaluran peruntukan bagi Projek MyLAB akan disalurkan terus kepada Bendahari Universiti Peneraju yang terlibat. Pemantauan projek adalah di bawah tanggungjawab TNC (P&I) dan RMC; dan
- vii) Sebarang perubahan ke atas projek perlu mendapat kelulusan bertulis daripada JPT. Sekiranya Ketua Projek gagal berbuat demikian, tindakan sewajarnya akan diambil.
- viii) Laporan akhir projek (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dikemukakan kepada JPT dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format seperti ditetapkan oleh JPT.
- ix) Kegagalan Ketua Projek dalam mematuhi arahan ini akan menyebabkan Ketua Projek disenaraihitam untuk tempoh dua (2) tahun dan dikecualikan daripada menerima mana-mana geran penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- x) Kredit serta penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia perlu dinyatakan dengan jelas dalam setiap promosi atau penerbitan bercetak dan digital berkenaan projek MyLAB yang berjaya.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

**URUS SETIA MyLAB
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**

NO.TEL.: +603 – 8870 6952 / 6954 / 6956 / 03-8870 6000 ext 4579

NO. FAKS: +603 – 8870 6867

E-MEL: mylabpki@mohe.gov.my

Sebarang pindaan di dalam Garis Panduan MyLAB adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa oleh pihak JPT.

